



PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

1. (a) Jawatan : PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT GRED FA29
(b) Taraf Jawatan : *CONTRACT FOR SERVICE (CFS)*
(c) Kementerian / Jabatan : PIHAK BERKUASA PERANTI PERUBATAN (MDA)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2. Gaji Minima Yang Ditawarkan : RM 2,309.00 / sebulan
3. Syarat Lantikan Wajib : (a) Warganegara Malaysia;
(b) Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
(c) Sijil dalam bidang teknologi maklumat, prosesan data atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
(d) Diploma dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
(e) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
4. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
5. Syarat Tambahan : Keutamaan kepada calon yang mempunyai kemahiran dalam:
(a) Pembangunan, pembedahan ralat dan selenggaraan sistem dalam talian melibatkan pengaturcaraan *HTML, PHP, JAVA, JavaScript*, pangkalan data *MySQL, Microsoft SQL, UI/UX Design (CSS)* dan *Mobile Application Development*;
(b) Calon-calun dikehendaki untuk membawa contoh-contoh sistem aplikasi yang telah dibangunkan dan akan menjalani ujian pengaturcaraan semasa sesi temuduga.
6. Fungsi Bidang Tugas : (a) Bertanggungjawab membangunkan program baru untuk sesuatu sistemgunaan komputer;
(b) Memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa;
(c) Penyelenggaraan sistem; dan
(d) Memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.
7. Kemudahan : (a) Layak menerima Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Dalam Negeri sekiranya diarahkan menjalankan tugas rasmi di luar pejabat;
(b) Caruman KWSP dan caruman PERKESO.

8. Cara Memohon

: (a) Pemohon hendaklah memastikan semua salinan dokumen diakui sah dan menghantar dokumen – dokumen dibawah **MENGIKUT SUSUNAN** berikut:


- i. Resume Calon (berserta gambar berukuran passport);
- ii. Salinan Kad Pengenalan;
- iii. Salinan Sijil Kelahiran;
- iv. Salinan Sijil Tamat Persekolahan;
- v. Salinan STPM / STAM / SPM / PMR atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- vi. Salinan Diploma / Ijazah berserta transkrip (sekiranya ada);
- vii. Pengiktirafan kelayakan Ijazah / Diploma / Sijil daripada JPA / MQA (sekiranya pemohon adalah lepasan IPTS); dan
- viii. Lain-lain dokumen sokongan.

(b) Ke alamat:

**Unit Khidmat Pengurusan (Sumber Manusia),
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 6, Prima 9, Prima Avenue II,
Blok 3547, Persiaran APEC,
63000 Cyberjaya,
SELANGOR**

- (c) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan / Badan Berkanun / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing, dan disertakan dengan salinan Borang Laporan Penilaian Prestasi Tahunan dan Surat Pengesahan Perkhidmatan yang terkini.
- (d) Permohonan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan atau tidak bergambar atau tidak lengkap akan ditolak.
- (e) Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (f) Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.

9. Tarikh Tutup Permohonan : 24 November 2023 (Jumaat) jam 3.00 petang



(NURUL ANIS BINTI SURIP)
Ketua Unit Khidmat Pengurusan
Pihak Berkuasa Peranti Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Tarikh : 10 November 2023

